

**Analisis Teks `Sabilul Akhyar`**  
*An Analysis the Text of `Sabilul Akhyar`*

Rahimah M.Ag\*  
Mahmud Khudri M.Hum  
Fauziah M.A  
Faculty of Cultural Studies  
Universitas of Sumatra Utara, Medan, Indonesia  
\*rahimahrahimah453@gmail.com

Received: 16 September 2019; Accepted: 11 March 2020; Published: 13 October 2020

Cite this article (APA): Rahimah M.Ag, Khudri M.Hum, M., & Fauziah M.A. (2020). Analisis Teks `Sabilul Akhyar`. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 40-48. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/113>

**ABSTRAK**

Masyarakat Indonesia menjunjung tinggi hubungan kekerabatan. Hal itu tergambar pada kebiasaan bertegur sapa, saling berkunjung mengadakan kenduri, sedekah, pesta yang ada kaitan dengan adat istiadat (kearifan Lokal) dan ajaran Islam. Kenduri kematian adalah sedekah, dengan mengundang jiran tetangga, keluarga untuk hadir melaksanakan doa bersama membaca tahtim tahlil, ayat al-Quran, surah Yassin, doa-doa untuk si mati dan juga untuk keluarga yang ditinggalkan. Pada zaman dahulu, majlis tahlil dilakukan pada waktu malam pertama, kedua, ketiga, ketujuh, keempat puluh dan malam keseratus dengan menyediakan makanan, minuman. Sesuai perkembangan zaman sebahagian kaum muslimin mengadakan majlis tahlil tiga malam sahaja dengan alasan bahawa hukumnya ditemukan dalam teks lama iaitu teks *Sabilul Akhyar* karya Amri Syukri putera daerah Langkat. Teks ini berisikan bidang sosial keagamaan (hukum kenduri untuk kematian), diberi sambutan oleh syeh Abdullah Afifuddin Mufti kerajaan Langkat dan teks ini termasuk pada hasanah teks daerah yang belum pernah diteliti sebelumnya. Penelitian ini menggunakan teori Filologi *Baried*, dengan langkah kerja menemukan teks, membaca, mendeskripsikan, mentransliterasi teks untuk mengetahui isinya dan mengkritik teks. Riset di *baitu syeh (rumah suluk)* Syeh Abdullah Hafifuddin di Tanjung Pura Kab, Langkat untuk menelusuri jejak penulis teks, mewawancarai masyarakat guna menterkaitkan kehidupan sosial masyarakat Melayu Langkat dengan isi teks.

Kata Kunci: Teks *Sabilul Akhyar*, filologi, kenduri mayat, kearifan lokal

**ABSTRACT**

*Indonesian society upholds kinship relations. This is reflected in the habit of greeting each other, visiting each other to feast, alms, parties that are related to customs (local wisdom) and Islamic teachings. Feast of death is a charity, by inviting the neighbor neighbors, family to attend implement common prayer read tahtim tahlil, Koran, Surah Yassin, prayers for the dead and for the families left behind. In ancient times, majlis tahlil was performed on the first, second, third, seventh, forty and hundredth nights by providing food and drink. In accordance with the times, some Muslims held a three-night tahlil assembly on the grounds that the law was found in the old text, namely the text of Sabilul Akhyar by Amri Syukri from Langkat. This text contains the socio-religious field (the law of feast for death), was given a speech by Sheikh Abdullah Afifuddin*

*Mufti of the kingdom of Langkat and this text is included in regional texts that have never been studied before. This study uses the Baried Philology theory, with work steps to find text, read, describe translate text to find out its content and criticize the text. Research in the syeh (suluk house) of Syeh Abdullah Hafifuddin in Tanjung Pura Langkat is to trace the footsteps of text writers, to interview the community to relate the social life of the Langkat Malay community to the contents of the text.*

*Keywords: Sabilul Akhyar text, philology, feast of death, local wisdom*

## **PENGENALAN**

Makalah ini merupakan hasil dari penelitian awal yang dilakukan oleh pasukan peneliti dari prodi Sastra Arab Fakultas Ilmu Budaya Universitas Sumatera Utara, yang terdiri dari Dr.Rahimah M.Ag. Drs.Mahmud Khudri M.Hum. dan Dra. Fauziah M.A. Penelitian ini merupakan sebuah kajian filologi mengenai teks “*Sabilul Akhyar*” karya Amri Syukri seorang Melayu Langkat. Teks ini berisikan petua Agama, peraturan syar’i tentang kenduri berkenaan dengan kemalangan atau kematian salah seorang keluarga. Penulisnya mencuba untuk mengumpulkan penjelasan-penjelasan dari berbagai kitab fekah serta mengutip dalil al-Quran dan hadis Nabi yang berkenaan dengan hal tersebut.

Tujuan penulisan teks *Sabilul Akhyar* dirasa penulisnya penting sekali untuk memberikan arahan kepada masyarakat, guna mengetahui dengan pasti penetapan hukum tentang kenduri untuk mayat itu. Sehingga masyarakat melayu di Langkat khususnya tidak ragu-ragu dalam melakukannya kerana sudah jelas hukumnya. Uraian dalam teks kecil ini terlihat berulang, disebabkan penulisnya, berkeinginan untuk memberikan penjelsan yang pasti dan tidak ingin ada keraguan ketika teks ini dibaca. Lazimnya uraian kitab-kitab agama zaman dahulu demikianlah adanya.Teks ini sengaja dituliskan dalam tulisan Arab Melayu (Pegon) kerana tulisan Arab Melayu sudah memasyarakat pada zaman itu dan memang sudah masyhur dalam kalangan orang Melayu Langkat dan masyarakat Indonesia umumnya bahkan masyarakat Asean.

Kenduri adalah sebuah adat yang tidak luntur sejak dahulu kala, kerana hakikatnya adalah menghimpun kerabat, bermusyawarah, beramah tamah, berasa serumpun, melakukan hal yang sama di satu arena, tanpa ada pamrih antara satu dan lainnya, kenduri ini bersifat sedekah terkait dengan kehidupan keagamaan, yang merupakan perintah Rasulullah untuk bersedekah dan berbuat baik terhadap sesama. Kenduri dilakukan dalam keadaan senang; seperti mendapat rezeki berlebih, keberhasilan dan usaha disebut syukuran. pernikahan, mengayun anak atau penabalan nama, menghitankan dan sebagainya. Kenduri dalam keadaan berduka, seperti kemalangan atau kematian salah seorang ahli keluarga.

Teks *Sabilul Akhyar* merupakan hasil karya pengarangnya dengan susah payah dia mengumpulkan dalil dalil yang muktamad dapat dipercaya dari ulama-ulama ternama. Oleh kerana tulisan Arab Melayu ini keadaannya semakin lama makin terkikis di Indonesia, mengakibatkan semakin sedikit pula orang Indonesia yang dapat memahami tulis baca Arab Melayu. Alasan ini menggugah hati peneliti untuk membuat satu kajian filologi ke atas teks ini menurut bahasa Arab dengan ilmu at-Turats. Penelitian ini menarik, kerana akan mengungkap isi teks yang banyak menyimpan rahsia kehidupan yang pada kenyataannya sudah dijalankan masyarakat Indonesia terkhusus masyarakat Melayu Langkat, secara turun-temurun, sehingga dapatlah disebut sebagai kearifan lokal (local wisdom) yang berfungsi menguatkan kesatuan umat yang harmonis kekerabatan dalam masyarakat.

## **LATAR BELAKANG**

Pada saat ini peningkatan kesedaran beragama masyarakat Indonesia semakin tinggi. Kelompok-kelompok pengajian semakin banyak berbaran di setiap daerah baik dalam kalangan orang-orang tua, ibu-ibu, remaja, dan kelompok pegawai juga pekerja di kesatuannya masing-masing. Ketaatan umat Muslim pada ajaran agama semakin tinggi terlihat dari minat kalangan masyarakat, mendengarkan

informasi keagamaan/ dakwah dari berbagai media, surat khabar, majalah radio, TV, WA, *youtube* dan FB. Bersamaan dengan itu dekadensi moral semakin marak dalam kalangan generasi muda, dengan dalih pengaruh era globalisasi. Selain terdapat cerita-cerita yang secara umum memberikan fungsi sosial dan kearifan lokal terhadap masyarakat Melayu berupa pendidikan moral, ketaatan, dan nilai-nilai agama yang mempengaruhi kepada kebajikan dalam perbuatan seperti sopan santun, kejujuran, rasa syukur, rasa sabar, dan berkasih sayang serta keikhlasan (Kembaren, M. M., Nasution, A. A., & Lubis, M. H., 2020:3).

Masalah yang muncul di balik itu semua adalah penyajian tausiah dengan pandangan berbeza dijelaskan oleh para da'i, penceramah agama membuat masyarakat awam yang belum mempunyai dasar-dasar pengetahuan agama yang kuat, menjadi sedikit bingung untuk menentukan; pendapat siapakah yang harus mereka ikuti?

Salah satu permasalahan adalah perbezaan pendapat para ulama tentang *kenduri Kematian*. *Kenduri* ditujukan untuk bersilatullah bertujuan mendoakan si mati. Pada *Tausiyah agama* muncul berbagai ragam pertanyaan dalam persoalan sosial keagamaan misalnya, apakah *kenduri mayat* itu dibolehkan atau tidak? Apakah dalil al-Quran atau dalil hadisnya? Ketidaktahuan ini disebabkan kurangnya kegiatan literasi membaca buku-buku agama yang berbahasa Arab atau yang ditulis dalam aksara Arab Melayu yang dikenal sebagai kitab kuning. Sehingga kurangnya informasi hukum Islam yang sampai pada masyarakat tersebut.

Untuk itu pasukan pengkaji Prodi Sastra Arab Fakultas Ilmu Budaya USU, mencuba untuk melakukan kegiatan penelitian filologi, manfaat dari filologi adalah dapat mengungkap kebiasaan masyarakat, adat istiadat dan sejarah masa lampau. Dewi (2018), penelitian ini bertujuan menggiatkan literasi dengan mencari teks keagamaan masa lalu yang dihasilkan oleh putera daerah untuk diteliti menggunakan ilmu filologi.

## **Filologi**

Filologi dalam bahasa Arab dikenal dengan istilah *at-turas* dengan makna *Warisan*, (Ali & Muhdhar, 1996:451), kerana naskhah (*turas*) tersebut mengungkap sejarah masa lalu. Ilmu filologi pada awalnya tumbuh dan berkembang di kawasan kerajaan Yunani (Dep. Dik bud, 1985; 30). Upaya penelitian ini sesuai dengan Renstra USU iaitu mengembangkan kearifan lokal warisan budaya bangsa sebagai identiti karakter bangsa Indonesia.

Perkembangan tradisi masyarakat Indonesia di setiap daerah pada umumnya diajarkan tradisi sedekah atau *kenduri*, termasuk *kenduri* untuk mayat, dapat pula dikelompokkan sebagai sebuah kearifan lokal yang memiliki fungsi sosial keagamaan. Penjelasan mengenai hal ini tertulis dalam sebuah teks berjudul *Sabilul Akhyar* yang ditulis oleh Amri Syukri. Beliau menulis dalam aksara Arab Melayu dengan dalil yang diambil dari al-Quran dan Hadis serta pendapat ulama ternama. Pada kelanjutan penelitian ini, akan dibuat transliterasi teks secara keseluruhan sesuai dengan langkah kerja *Barried*, transliterasi kemudian disesuaikan dengan kaedah EYD (Ejaan yang disempurnakan, isi dari teks ini nantinya amat berguna untuk memberi pemahaman pada masyarakat muslim tentang *kenduri mayit* serta dalil aqli dan dalil aqlinya.

## **METODOLOGI**

Setiap penelitian memerlukan metod sesuai dengan tujuan penelitian, penelitian yang diajukan kali ini adalah sebuah teks, menggunakan metod filologi. Metode ini menjadikan sebuah naskhah atau teks bermakna, dapat dibaca oleh setiap orang pada setiap lintas generasi. Upaya menganalisis seperti ini berfungsi untuk mempengaruhi pendapat, mempengaruhi perasaan dan perbuatan pembaca, berdasarkan teks yang ditransliterasi atau diterjemahkan, seperti teks *Sabilul Akhyar* ini.

Filologi sebagai Istilah mempunyai beberapa pengertian menurut *Agist book*; filologi merupakan sebuah ilmu pengetahuan tentang segala sesuatu yang pernah di ketahui orang pada masa lalu, dengan

filologi orang dapat mendeteksi sejarah dan warisan masa lalu yang terkait dengan berbagai bidang ilmu, misalnya ilmu kebahasaan (misalnya dalam bahasan Tata Bahasa Arab oleh Sultan Tidakdir Ali Syahbana), sejarah (sejarah suatu tempat atau wilayah serta sejarah kerajaan), kebudayaan dan kesehatan (dalam kitab *Tajul Muluk*), sistem pemerintahan Raja-Raja (seperti dalam *Tajussalati* dan *Bustanussalatin*).

Penelitian ini mengambil objek teks *Sabilul Akhyar* yang ditulis dalam bahasa Arab jawi dan bahasa Arab khusus tentang ayat al-Quran serta Hadist Rasul. Maka penelitian ini menggunakan metode filologi untuk dapat mengungkapkan isi teks secara keseluruhan. Sesuai dengan pengkajian naskhah filologi, naskhah-naskhah keislaman masih banyak yang belum atau diteliti kerana karya-karya tempo dahulu masih banyak sekali disimpan masyarakat untuk dikeramatkan, dalam erti tidak diizinkan oleh keluarganya untuk dibuka dan diteliti sehingga hilanglah kegunaan teks itu.

Penyimpanan naskhah atau teks di Aceh ditempatkan di Dayah-dayah, di Sumatera misalnya di daerah Langkat adalah Rumah Suluk iaitu tempat pendidikan thariqah Naqshabandiyah, pesantren-pesantren di Jawa kemudian di surau-surau Minang Kabau dan naskhah atau teks yang masih disimpan secara pribadi di rumah-rumah penduduk.

Penelitian ini merujuk juga pada penelitian terdahulu. Maka sesuai dengan kajian Naskhah keislaman mengungkap berbagai aspek di antaranya, aspek teologi, fikih, tasawwuf, seperti halnya Naskhah Fikih Sunda terdapat di Banten yakni *Nashaihul Ibad*“ (Nasihat kepada Hamba Allah), Tafsir Surah alfatihah terdapat di Kuningan “*At-Tariqah al-wahidahIla asrari Al-Fatihah*” (Ibrahim, 2019: 96). Penelitian teks *Sabilul Akhyar* ini mencermati isinya yang mengandungi pesan sosial keagamaan yang menjelaskan perkara-perkara yang harus dilakukan oleh keluarga dan jiran orang yang meninggal dunia sesuai pada perspektif Islam. Penelitian ini menggunakan metod deskriptif kualitatif dengan metode Filologi Barried dengan langkah kerja yang ditetapkan Barried sebagaimana berikut ini:

1. Menemukan teks atau naskhah yang akan diteliti.
2. Mencermati Naskhah
3. Memperhatikan alas naskhah (apakah naskhah ditulis di atas daun Lontar, Bambu, kain, kulit binatang, batu, keramik, tembikar atau bahan logam.
4. Memperhatikan teks dan konteks Naskhah atau teks
5. Memperhatikan kolofon dan Kodekologinya.
6. Mentransliterasi naskhah atau teks. Tentunya teks yang dipilih didiskusikan keberadaannya dan kelayakannya untuk diteliti? Naskhah atau teks yang diteliti harus berumur lebih dari 20 tahun.
7. Menganalisi teks.

Teks yang diteliti kali ini ditulis dalam tahun 1970an, maka teks sudah berumur hampir 50 tahun (setengah abad) dan layak untuk diteliti. Teks dibaca berulang-ulang dan ditransliterasi isinya sehingga diketahuilah apa isi teks itu. Teks *Sabilul Akhyar*, dialih aksarakan secara keseluruhannya, kemudian dilakukan pendiskripsian teks, mentransliterasikan dan mengkritisi teks, katalogisasi dan digitalisasi

Penelitian ini dilakukan di Tanjung Pura Langkat dan Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Samatra Utara, dilakukan Tim Peneliti Prodi Sastra Arab FIB USU. Digitalisasi Naskhah perlu dilakukan zaman moden, seperti naskhah/manuskrip Kraton Jogjakarta, Digitalisasi Naskhah Pesantren, MIPES (Manuscripts of Indonesian Pesantren) di Pesantren Surabaya Jawa Timur (2006) disebut sebagai yang pertama mendapatkan grant dari the EAP, The Library Proyek MIPES dipimpin *Amiq Ahyad* dari Lembaga Pengkajian Agama dan Masyarakat (LPAM) Surabaya berhasil mendigitalisasi 150 bundel naskhah koleksi, Pasantren Langitan Tuban, Tarbiyah at-Thalabah Lamongan, dan Pesantren Tegalsari Ponorogo (Fathurrahman 2010:72).

## **Konsep Filologi**

Penelitian ini mengungkap isi teks berasal dari daerah Tanjung Pura, Kab.Langkat, mengungkapkan keadaan sosial budaya masyarakat Melayu (Islam) mewakili kebudayaan Melayu di daerah lain di Indonesia,"Sabilul Akhyar" sebuah objek filologi mengungkapkan tentang sosial keagamaan "kenduri kematian" mengungkapkan keunikan, keragaman Etnik untuk mengembangkan kearifan lokal yang merupakan warisan budaya yang berharga bertujuan membentuk identiti dan karakter bangsa (intangible cultural heritage).

Penelitian filologi sangat penting dalam mengkaji teks-teks keislaman, kesejarahan, keilmuan di negeri manapun. Menurut Kridalaksana (1982), filologi adalah ilmu bahasa, kebudayaan pranatapanata sejarah, suatu bangsa sebagaimana terdapat pada bahan-bahan tertulis. Kata filologi, secara etimologi berasal dari bahasa Yunani `Philos` ertinya adalah cinta dan logos ertinya kata, maka filologi diberi erti cinta kata atau senang bertutur (Shiple & Wegen Voort dalam Rahimah,2002:95).

Filologi sebagai istilah mempunyai beberapa pengertian antara lain: ilmu untuk mengetahui sesuatu yang pernah diketahui orang, kerana dengan filologi akan dapat diditeksi segi kehidupan masa lampau melalui teks-teks yang ada, hal ini mengungkapkan fungsi filologi dan keurgensian kinerja filolog guna mengungkap jejak kesejarahan (Bustamam,2017) dalam seminar *The Early History of Islamic Thought in Southeast Asia: A survey.*"In Islamic studies, the firstness of Aceh in the subject of written works can be investigated at from some kitabs that were produced by local 'ulama, *The firs book on comparative Religion is kitab 's Syeikh Nurdin ar-Raniry entitled Tibyan fi Ma'rifat al-adyan*" Lutfi menjelaskan. Dalam Islam kajian teks pertama adalah al-Quran dan Hadist, kemudian lahir teks kedua dan ketiga berdasarkan teks yang pertama, maka dalam Islam telaah filologis ini tidak pernah lepas, (Lutfi,2016:115).

Berdasarkan penjelasan di atas dapat difahami bahawa filolofi sebagai *Linguistik History*, meneliti naskhah tentang masa lalu. Langkah kerjanya menemukan naskhah/teks dan manuskrip, artepak, teks /naskhah membacanya, mengalih aksarakan/mentransliterasikan, menafsirkan isinya, ilmu ini terkait pula dengan ilmu kebahasaan, kesusasteraan, dan kebudayaan dan agama. Jelasnya, filologi mencakupi berbagai disiplin Ilmu.

Pada zaman dahulu naskhah, teks, dokumen, ditulis dengan tulisan tangan, (manuscripts) setelah ada mesin ketik teks/ naskhah diketik, naskhah dan teks juga dokumen-dokumen disalin berulang kali, jangka waktu ratusan tahun, sehingga tulisan itu masih ada sampai saat ini (Fathurrahman dkk, 2010: 1).

Menurut sejarah Islam, literasi dan filologi sudah diajarkan sejak Nabi Muhammad. Kerja filologi pertama dalam Islam adalah kodifikasi al-Quran.yang dilakukan Zaid bin Tsabit seorang penulis yang membantu Rasulullah menuliskan ayat al-Quran dan menuliskan surat-surat yang dikirim ke berbagai negeri. Penelitian filologi amat membantu pengungkapan berbagai ilmu yang berbeza misalnya, ilmu bahasa, budaya, sejarah, arkeologi, sastera, dan ilmu perubatan.yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat.

## **OBJEKTIF**

Tujuan khusus dari penelitian ini adalah:

1. Mengetahui isi Teks Sabilul Akhyar dengan mentransliterasi teks .
2. Mengetahui fungsi sosial keagamaan pada teks Sabilul Akhyar.
3. Mengetahui pendapat Ulama mengenai fungsi dan hukum kenduri mayat yang ada dalam *Sabilul Akhyar*

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN TEKS *SABILUL AKHYAR***

Teks *Sabilul Akhyar* adalah sebuah karya yang membahas tentang kenduri yang dilaksanakan ketika ada salah seorang keluarga berpulang kerahmatullah, yang berdasarkan pada hadis Nabi dan pendapat

pendapat ulama besar, penulis menyebutkan teks ini sebagai sebuah risalah sahaja hal itu menggambarkan kerendahan hati penulisnya. Penulis membacakannya di hadapan tuan guru Syeh Abdullah Afifuddin Mufti kerajaan Langkat, dan pada saat itu tuan Syeh baharu pulang dari rumah sakit sehingga beliau menyambut gembira adanya tulisan ini. Kata sambutan itu dituliskan namun tidak sempat beliau menanda tangannya. Kata sambutan laiannya dituliskan pula oleh kepala sekolah madrasah al-Mahmudiyyah Tanjung Pura Langkat iaitu Bapak Hasyin Abbas pada sambutan itu beliau pun menyatakan bahawa tulisan ini penting untuk dibaca kaum muslimin sekalian kerana berkenaan dengan kenduri untuk kematian.

### **Identifikasi Teks Sabilul Akhyar**

Teks *Sabilul Akhyar* (1970-an), secara rinci dapat terditeksi kondisi teks sebagai berikut: Teks *Sabilul Akhyar* ditulis oleh Amri Syukri, Putra Langkat Sumatera Utara. Tebal teks 50 halaman alas naskhah (teks) adalah kertas biasa berwarna kekuningan kerana termakan usia, ukuran kertas 23 x 13.5. Teks dibuat dalam bentuk buku dengan tebal 0.5 cm. Isi Teks menceritakan perihal kenduri yang lazim dilakukan masyarakat, ditujukan untuk mengirimkan doa kepada (almarhum/almarhumah). dilengkapi dalil-dalil al-Quran dan Hadis yang berkaitan dengannya, meninjau dari prespektif hukum Islam. Analisis sementara dari teks ini menyatidakan kenduri seperti ini diboleh, ada pendapat ulama yang melarang untuk melakukannya, namun ada juga yang menyatidakan makruh. Teks ini sudah ditulis dalam bentuk cetidakan (ketikan) namun tidak disebutkan nama percetidakan, Pada Kolofon disebutkan nama dan tempat lahir penulis, Aluan Sumur Berabai Kalimantan Kalimantan Selatan, Kemudian beliau merantau ke Memangkis Baramim Kiri Kala Tungkal Jambi lalu merantau lagi ke Tambun Bekasi. dan tempat teks ini ditulis iaitu di Kuala Begumit Binjai Kabupaten Langkat, sebagai tempat Mukin Penulis, Tulisan ini sedrhana pada lembaran teks tidak ditemukan Iluminasi (hiasan pinggir tulisan). Tidak ada pula tulisan teks ini untuk diperjual belikan atau disewakan, namun dilembar halaman depan bahagian bawah tertulis peringatan dilarang cetak tanpa izin penyusun.

### **Pedoman Transliterasi Arab – Latin**

Pedoman transliterasi yang digunakan; Sistem Transliterasi Arab-Latin Berdasarkan SKB Menteri Agama dan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan RI No. 158/1987 dan No. 0543 b/U/1987 bertarikh 22 Januari 1988.

### **Analisis Isi Teks Sabilul Akhyar**

Pada mukaddimah diceritidakan oleh penulis mengenai tujuan penulis teks *Sabilul Akhyar* ini, adalah untuk mengumpulkan penjelasan dari para ulama fikih berkaitan dengan masalah kemduri pada ketika terjadinya kematian dalam sebuah keluarga, guna memperikan pemahaman bagi para membacanya mengenai bagaiman hukum yang berkaitan dengan hal tersebut di atas.

Adapun yang ingin sekali diungkap oleh penulis adalah bagai mana halnya ketika kenduri diadakan oleh keluarga si mati bertepatan pada hari pertama kematian saudaranya atau ahli keluarganya, disusul kenduri hari ketiga, hari ketujuh, hari kedua puluh lima, hari keseratus, dalam erti kata mengeluarkan biaya untuk hal tersebut, kerana telah dijadikan adat istiadat dalam kalangan orang Melayu. Adakah hal ini berpahala atau tidak, adakah hal ini mempunyai landasan syar 'i, risalah ini juga mengungkap tentang keterangan tentang sedakah, keterangan tentang niat kenduri, serta perintah Rasulullah SAW, berkenaan dengan kematian.

### **Keterangan Pertama**

Keterangan pertama ini diambil dari kitab *'ianatu tthalibin*, Juz ke-2 halaman 142, penjelasan pada kitab ini menyatidakan bahawa membikin makanan kemudian mengundang orang-orang untuk datang ke rumahnya setelah penguburan mayat itu termasuk pada hal yang makruh dan termasuk pada hal meratapi kematian si mati (niyahah), sebagai mana yang dikatidakan oleh Jarir Radiyallahu anhu, Aku mendengar bahawa berkumpul orang-orang di rumah ahli si mati dan ahli mayyin membikinkan makanan setelah menguburkan si mati maka halitu setengah dari ratapan kerana menunjukkan kesedihan. Maka dari keterangan ini dapat difahamkan hal ini adalah makruh.

### **Keterangan kedua**

Keterangan kedua ini diambil dari buku Barikatul Mahmudiyah Juz ke-3 halaman 252 dari syeh Imam Abi Bakkar al Bakhli Rahimahullah, Seorang laki-laki berwasiat supaya dibuatkan perjamuan makan sesudah meninggal dalam ketiga menurut imam al Bakhli wasiat itu batal, pada keterangan lanjutan disebutkan bahawa alasan al-Bakhli adalah ketika seseorang meninggal dunia hartanya akan menjadi warisan keluarganya, tambahan pula jika ada ahli warisnya yang masih kecil (anak yatim). Oleh kerana itu, tidak berdosa bagi waris jika tidak diperbuatnya. Namun, jika kenduri tidak dari harta tersebut jatuhlah hukumnya kepada makruh. Kerana hal ini bukan termasuk sedekah namun disebut dengan *dhyafah* (kenduri kematian). Kenduri seperti ini berasal dari zaman jahiliah.

Namun, kenduri berupa sedekah atau hadiah tentu mendapat pahala dan disampaikan pahalanya kepada si mati jika diniatkan pahalanya untuk si mati. Banyak hadis yang menunjukkan pahala sedekah dan hadiah bagi orang yang sudah meninggal di antaranya terdapat dalam kitab *Riyadhush-shalihin* halaman 173 Rawayat Bukhari Muslim dari Siti Aisyah yang ertinya, `Seorang laki laki berkata kepada Nabi Sallahu alaihi wasallam, sesungguhnya ibu saya telah meninggal dunia hamba menyangka jika dia boleh berkata-kata maka nescaya dia akan bersedekah maka apakah ada pahalanya jika saya keluarkan sedekah untuk ibu saya itu? Bersabda Rasulullah SAW, iya, ( menandakan bahawa hal tersebut boleh dikerjakan).

Menurut kitab *Fathul mu'in*, yang ertinya bermanfaat bagi si mati jika ada dari kalangan keluarganya atau dari orang lain yang bersedekah dan berniat pahalanya untuk orang yang sudah meninggal, maka orang yang bersedekah pahala tadi akan mendapatkan pahala pula untuk dirinya sendiri. Dalam kitab *I'anatu Thalibin*, juz ke-3 halaman 11 yang ertinya telah berkata sahabat kami Imam syafi'i bahawa ganjaran dari bacaan itu sampai kepada si si mati walaupun diniyat pahalanya untuk sibmati setelah selesai membaca ayat, kebanyakan ulama mazhab syafi'i membolehkan kenduri si mati. Hal seperti inilah yang secara umum dilakukan di daerah Langkat Sumatera Utara, dan hal ini berlaku umum juga di seluruh Indonesia, kuga di jajaran negara negara Asia. Seperti para ulama adalah caranya, mengundang dan mengumpulkan orang ditempat si mati (ketika si mati belum dikebumikan),

### **Keterangan Ketiga**

Keterangan ketiga diambil dari buku *Asna al-mathalib* juz awal halaman 335 yang ertinya `dimakruhkan bagi ahli keluarga si mati, dimakruhkan bagi ahli keluarga si mati membahagikan makanan dan mengumpulkan orang-orang kemudian membahagikannya hal ini menjadi bid'ah sebagaimana telah diungkapkan oleh Jarir sebelumnya. Menurut immam Ahmaad dan ibnu Majah ada bid'ah haram ada bidah makruh maka hal ini makruh. Pengarang kitab *Asna al-Mathalib* ini adalah Zakaria al-Anshari.

### **Keterangan Keempat**

Penjelsan dalam Kitab *'T' Anah* 4 halaman 143, dalam *Hasyiyah Al-'alamah al-Jamal* dari syarah al-manhajnya menyebutkan hal kenduri si mati itu sebagai bid'ah munkarat jika diambil dari harta si mati tersebut dan atau si mati itu mempunyai hutang atau membawa kesusahan bagi keluarganya kerana

mereka berhutang untuk itu. Maka perbuatan ahli keluarga si mati itu jatuh kepada makruh malah mendekati haram.

Keterangan kelima diambil dari kitab *Bajrami*, juz ke-2 halaman 258, ertinya, `bila keluarga si mati mengundang orang untuk berkumpul dan membikinkan makanan untuk dimakan setelah si mati dikuburkan makanan boleh menjadi haram bila si mati itu berhutang meskipun sedikit, kerana harta peninggalannya itu adalah warisannya, namun bila sedekah dari orang lain tidak jatuh pada haram tetapi bid'ah sahaja.

Keterangan **kelima** penulis mengambil penjelasan dari Jarir.

Keterangan yang ketujuh adalah kenduri yang disunnahkan Rasulullah SAW adalah ketika kita bergembira mendapatkan suatu nikmat atau bersenang-senang. Misalnya waktu mendapatkan rezeki yang agak banyak maka diambillah sebahagiannya untuk dikendurikan, atau baharu mendapatkan anak, lalu ibu dan anaknya dalam keadaan sihat wal'afiat maka waktu itulah disunnatkan kenduri, jika kedatangan tamu dari jauh lama tiada berjumpa waktu itu suka hati kita maka itulah tempat kenduri, banyak lagi kenduri lainnya misalnya kenduri Maulid Nabi, kenduri pengantin Walimatul Urus, sebagaimana tersebut dalam kitab *Baijuri Ibnu Qasyim*. Dengan catatan memperkenankan kenduri walimatul urus itu adalah wajib kecuali ada uzur demikianlah yang dikehendaki syar'i. Mengadakan jamuan itu menunjukkan kita bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa ta'a la semoga kita termasuk pada firman Allah (la in syakartun la azidannakum/jika kamu bersyukur niscaya Aku Tambahkan rezkimu').

## RUMUSAN

Banyak huraian yang belum dihuraikan dalam makalah ini mengingatkan terbatasnya tempat, namun peneliti ingin menyelesaikan analisis ini sebagai penutup daripada dua lembar terakhir teks *Sabilul Akhyar*.

Penulis buku ini mengulas, bahawa dalam sebuah Hadis Rasul yang diriwayatkan oleh Bila bin Haris, bahawa Rasulullah bersabda (maksudnya) `Barangsiapa yang menghidupkan kebiasaan Sunnahku setelah aku mati maka ganjaran seumpama ganjaran orang yang mengamalkannya tidak dikurangi sedikitpun dan barang siapa yang melakukan bid'ah dhalalah, yang tidak diridhai Allah dan Rasul-Nya, maka dia seperti orang yang mengamalkannya tidak dikurangi sedikitpun dosanya, dan Rasul berkata kebaikan itu ada beberapa gudang dan gudang kebaikan itu mempunyai beberapa kunci maka beruntunglah orang-orang yang dijadikan Allah sebagai kunci-kunci kebaikan dan dijadikan penutup kejahatan, Neraka Wail itu dijadikan Allah bagi orang yang membuka kunci kejahatan, dan penutup kebaikan. Tidak salah lagi melarang orang membuat bid'ah yang munkar dialah orang yang menghidupkan sunnah Rasulullah.

Dalam hadis lain Rasulullah bersabda (maksudnya) `orang yang sangat dibenci oleh Allah ada tiga jenis pertama orang yang melakukan kezaliman di tanah suci Mekah atau Madinah; kedua, orang yang sangat suka meniru perlakuan orang jahiliah; ketiga, orang yang bermaksud mencelakan orang lain. Supaya dikeluarkan dari hal yang tidak benar. Maka dari hadis ini diketahui bahawasanya Rasulullah sangat tidak suka akan orang yang melakukan hal mengikuti perilaku Jahiliah yakni berpesan agar memanggil orang-orang untuk meratapinya ketika dia meninggal dunia dan menyediakan mereka makanan, maka kenduri kematian.

Jika kenduri di rumah yang meninggal dunia menggunakan wang orang yang terkena musibah dan mereka masih mempunyai anak dalam tanggungannya, ataupun keluarga itu masih mempunyai hutang meskipun sedikit hukumnya makruh ada pula yang menyatidakan haram. Bila kenduri diadakan merupakan sedekah di rumah yang meninggal dunia, dengan membacakan zikir, Surah *Ikhlās*, tahtim tahlil, ayat al-Quran, surah *Yassin*, serta doa-doa untuk almarhun/almarhumah juga untuk keluarga yang ditinggalkan dan keluarga itu tidak berhutang, tidak ada anak kecil yatim dalam tanggungan keluarga itu

kemudian mereka menyediakan makanan dibantu pula oleh jiran dan saudaranya maka hal itu dibolehkan terkait dengan hadis Rasul tentang sedekah dan bersilatullahi.

## RUJUKAN

- Alkhuli, M.A. (1982). *A Dictionary of Theoretical Linguistics English-Arabic*. Beirut: Libraire Du Liban.
- Azra Azyumardi. (2004). Naskhah dan Konstruksi Sejarah Sosial-Intelektual Nusantara, Jakarta, *Prosiding Simposium MANASSA III*, di Wisma Sahida UIN Syarif Hidayatullah
- Bustamam, (2017). *The Early of Islamic Thought in Southeast Asia: International Seminar In Medan*.
- Erlina, (2015). `Kajian Filology Terhadap Teks Manuskrip Karya Ulama Lampung Ahmad Amin Al Banjary`. *Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab*. Fakultas Tarbiyah dan Keguruan IAIN Raden Intan Lampung, Vol 7, No. 1, 2015.
- Kridalaksana Harimukti, (1998). *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Balai Pustidaka.
- Ali Athabe' & Muhdhar Ahmad Zuhdi, (1996), *Kamus al-'Ashri*. Yogyakarta, Yayasan Pesantren Krapyak Yogyakarta.
- Badri, Kamal Ibrahim. (1988). *Ilmu l-lughatu l-mabramju (Al-'aswātu wa n-nizāmuṣ-ṣawtijju maṭbaqan 'ala l-lughati l-'arabijjati)*. Al-Mamlakatu Al-'Arabiyyatu Al-Sa'udiyiyatu: Jāmi'atu l-muluki sa`ud.
- Bloomfield, Leonard. (1961). *Language*. New York: Holt Rinehart and Winston.
- Barried, Bararah Siti, (1982), *Pengantar Teori Filologi*, Jakarta. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa Departemen Pendidikan dan Kebudayaan
- Crystal, David. (1991). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics* (Edis Ketiga). Oxford: Blackwell Publishers.
- Dewi Utari Trie, (2018). `Pembelajaran Filologi Sebagai Salah Satu Upaya Dalam Mengungkap dan Membangun Karakter Suatu Bangsa`, *Jurnal Pendidikan Sejarah dan Riset Sosial Humaniora (KAGANGA) IPMK2KP* Vol. 1 No. 1, Juni 2018
- Harun Salman, (2009), *Hakikat Tafsir Turjuman al-Mustafid Karya Abdullah al-Singkel*, Jakarta UIN Syarif Hidayatullah.
- Ibrahim Arif, dkk. (2018). `Kontribusi Penelitian Filologi Terhadap Perkembangan Studi Keislaman`, *Jurnal Humanika UNPAD Bandung*, Vol. 25 No. 2, 2018.
- Kridalaksana, H. (1993). *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia Pustidaka Utama.
- Lutfi, Habibi Muhammad, (2016). `Kontekstualisasi Filologi dalam Naskhah-naskhah Nusantara`, *Jurnal IAIN Purwokerto* No.14
- Richards, dkk. (1992). *Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics*. England: Longman.
- Robins, R.H. (1992). *Linguistik Umum: Sebuah Pengantar*. Yogyakarta.
- Kanisius. Sudaryanto, (1986). *Metode Linguistik Bagian Pertama Kearah Memahami Metode Linguistik*, Yogyakarta: Gajahmada University Press.
- Kanisius. Sudaryanto, (1988). *Metode Linguistik Bagian Kedua Metode dan Aneka Pengumpulan Data*, Yogyakarta: Gajahmada University Press.
- Kembaren, M. M., Nasution, A. A., & Lubis, M. H. (2020). Cerita Rakyat Melayu Sumatra Utara Berupa Mitos Dan Legenda Dalam Membentuk Kearifan Lokal Masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(1), 1 - 12. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/117>
- Tarsk, R.L. (1993). *A Dictionary of Grammatical Terms in Linguistics*. London.
- Verhaar, WJM. (1978). *Pengantar Linguistik I*. Yogyakarta: Gajahmada University Press.
- Parera, Jos Daniel. (1983). *Fonetik dan Fonemik. Seri D*. Jakarta: Gramedia.
- Verhaar, J.W.M. (1979). *Pengantar Linguistik Umum*. Yogyakarta: Gajah Mada Universiti Press.
- Verhaar, J.W.M. (1983). *Fonetik dan Fonemik. Seri D*. Jakarta: Gramedia.